



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2023

**PENJENAMAAN SEMULA INSTITUT BIOTEKNOLOGI MARIN DAN
PENAMBAHBAIKAN SKOP PROGRAM PENYELIDIKAN**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penjenamaan semula Institut Bioteknologi Marin (IMB) dan penambahbaikan skop program penyelidikan.

Latar Belakang

2. IMB telah ditubuhkan pada tahun 2006 untuk menerajui aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan dalam bidang bioteknologi marin. Sejak penubuhannya, IMB telah melalui proses evolusi dan kemajuan yang pesat dari segi infrastruktur, penyelidikan dan sumber manusia.
3. Pada tahun 2020, Makmal Perubahan Iklim dan Adaptasi (CCA Lab) telah dibangunkan di IMB dengan geran penyelidikan LRGS berjumlah RM 3.56 juta dan dana pembangunan bangunan baharu IMB di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
4. Perkembangan ini telah menarik perhatian pengurusan tertinggi UMT untuk memberi mandat lebih besar dengan memilih IMB untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICoE) baharu UMT dalam bidang Perubahan Iklim dan Adaptasi Organisma Akuatik, selari dengan aspirasi YB Menteri Pendidikan Tinggi.
5. Sehubungan itu, IMB perlu memperkemas struktur organisasi sedia ada dan dijenamakan semula bagi memberi wadah baharu kepada bidang tujuan dan skop penyelidikan untuk disesuaikan dengan bidang HICoE baharu.

Penjenamaan Semula Institut Bioteknologi Marin dan Penambahbaikan Skop Program Penyelidikan

6. Lembaga Pengarah dalam mesyuaratnya Kali Ke-80 telah bersetuju dengan cadangan penjenamaan semula Institut Bioteknologi Marin (IMB) seperti berikut:

Nama Baharu

Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin/ Institute of Climate Adaptation and Marine Biotechnology (ICAMB)

Penambahbaikan skop program penyelidikan

- a. Natural Product and Marine Microbiome (NPMM);
 - b. Climate Change and Adaptation (CCA);
 - c. Molecular Immunology and Physiology (MIP); dan
 - d. BioInformatics (BioInfo).
7. Penjenamaan semula ini diharapkan dapat mempercepatkan proses ICAMB mendapat pengiktirafan HICoE.
8. Carta organisasi Universiti Malaysia Terengganu terkini adalah seperti di **Lampiran 1**.

Tarikh Kuat Kuasa

9. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Julai 2023**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara di atas.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,



(ZUKIFEREE BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu



Pusat Tanggungjawab Tier 1 = 36
 Pusat Tanggungjawab Tier 2 = 8